

Untuk Siaran Segera

<h1>SIARAN AKHBAR</h1>	 AGRO BANK TARIKH: 23 Oktober 2015 www.agrobank.com.my
----------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

AGROBANK SAMBUT BAIK BAJET 2016

KUALA LUMPUR: Agrobank hari ini menyambut baik pembentangan Bajet 2016 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang terus memberi keutamaan untuk pertanian dalam usaha meningkatkan dan menjamin bekalan makanan negara.

Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Dato' Wan Mohd Fadzmi Wan Othman berkata peruntukan sebanyak RM5.3 bilion untuk memodenkan sektor pertanian menunjukkan komitmen kerajaan dalam usaha mentransformasi sektor makanan agar terus berdaya saing. "Sememangnya, inovasi teknologi sangat penting untuk meningkatkan pengeluaran dan meningkatkan kualiti tanaman secara lebih efektif dan signifikan," kata Dato' Wan Mohd Fadzmi.

Selain itu, dalam Bajet 2016 penekanan kepada program pembangunan agropreneur muda diteruskan dan sebanyak RM90 juta dikhususkan untuk tujuan ini. Penglibatan golongan ini sudah dikenalpasti sebagai satu komponen utama Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020, yang berperanan untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian serta membantu menjana pendapatan tinggi bagi golongan petani.

Menurut Dato' Wan Mohd Fadzmi, Bajet yang dibentangkan hari ini turut memberi banyak penekanan untuk 1) **pembangunan luar bandar** dan juga 2) **pembangunan keusahawanan yang sangat dinamik**. Ini jelas dapat dilihat dari segi pelbagai peruntukan yang disediakan untuk meningkatkan infrastruktur dan menaiktaraf kemudahan serta pelbagai insentif diberi untuk kemudahan pembiayaan dan juga pembinaan modal insan.

"Agrobank akan terus menyokong usaha kerajaan terutamanya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) untuk membangunkan sektor pertanian dengan menyediakan dan menambah pelbagai kemudahan pembiayaan yang komprehensif dan sesuai dengan keperluan usahawan tani bagi menjalankan projek perniagaan masing-masing. Dan kita juga turut memberi penekanan untuk pembangunan keusahawanan dengan memberi latihan dan panduan kepada usahawan," kata Dato' Wan Mohd Fadzmi.

###

Antara insentif dalam Bajet 2016 bagi memodenkan sektor pertanian.

Meringankan beban yang ditanggung oleh petani kecil

- *Threshold* pendaftaran Skim Kadar Rata di bawah GST bagi Petani berskala kecil diturunkan kepada RM 50 ribu berbanding RM 100 ribu. Petani kecil boleh mengenakan tambahan 2% ke atas nilai jualan.
- 1) Dana Pembiayaan Usahawan Pertanian & Program Pembangunan Agropreneur Muda – RM 90 juta
 - 2) Fokus kepada program pertanian yang berimpak tinggi – RM450 juta
 - Program penanaman buah & sayur
 - Geran pepadanan & penyelidikan produk herba
 - Penternakan ikan dalam sangkar
 - 3) Mengurangkan kos pengeluaran bahan makanan melalui galakan cukai dilanjutkan sehingga tahun 2020
 - Diperluas kepada ternakan rusa, tanaman cendawan, kelapa, rumpai laut, lebah madu dan kelulut serta tanaman makanan ternakan.
 - 4) Lain-lain insentif dibawah seliaan agensi-agensi berkaitan:
 - Menaiktaraf infrastruktur saliran & pengairan di kawasan IADA – **RM 180 juta**
 - Program Penurunan Harga, tambahan 50 buah Pasar Tani , mewujudkan 150 Agrobazaar Rakyat 1Malaysia – **RM 190 juta**
 - Penjenamaan semula MARDI, Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian & Jabatan Perikanan serta Projek Ladang Pengganda untuk peningkatan penternakan lembu & ladang ayam kampung – **RM 20 juta**

Dikeluarkan oleh Jabatan Komunikasi Korporat.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi :

Ainul Rofidza Ibrahim 03 – 26142624 (ext 2624) / 019-2258210

Syhada Abdul Rais 03-2731 1600 (ext 1651) / 012-672 4732